

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING
(TAIPING)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.06.2015

Y.B. TUAN NGA KOR MING [TAIPING] minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan:-

- a. berapakah jumlah dana yang sedia ada di bawah pengurusan KWSP dan keuntungan yang diperolehi; dan
- b. dari segi pelaburan KWSP, berapakah terdiri dari pelaburan domestik dan berapa pula pelaburan di luar negara dan berapakah dana KWSP merupakan pinjaman kepada kerajaan dan berapa peratus pulangnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat Disember 2014, saiz aset pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah sebanyak RM636.53 bilion. Saiz aset pelaburan KWSP secara purata mencatatkan kenaikan sebanyak 10% hingga 11% setiap tahun sejak penubuhan. Selain disumbang oleh penerimaan caruman bersih yang positif sepanjang tahun 2014, kenaikan tahunan ini turut disumbang oleh pengkreditan dividen sebanyak RM36.66 bilion pada tahun tersebut ataupun bersamaan dengan kadar dividen sebanyak 6.75%. Sejak tahun 2009, KWSP telah mengkreditkan sejumlah RM160.76 bilion kepada ahlinya berdasarkan kadar dividen yang diisytiharkan bagi setiap tahun dalam tempoh tersebut.

Setakat Disember 2014, daripada RM636.53 bilion aset pelaburan KWSP, sebanyak 77% atau RM491.24 bilion dilaburkan di pasaran domestik manakala baki 23% atau RM145.29 bilion dilaburkan di pasaran luar negara. Menyedari keperluan KWSP kepada pelaburan pasaran antarabangsa, Kementerian Kewangan telah meluluskan untuk menaikkan had pendedahan bagi pelaburan luar negara KWSP dari 20% pada 2011 kepada 26% untuk tempoh 2014 sehingga 2016. Dalam usaha KWSP untuk

meningkatkan pendedahan pelaburan luar negara, pelaburan domestik terus kekal penting dan bahagian utama dalam struktur pelaburan kami di mana saiz portfolio tersebut secara konsisten mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan pada kadar 7% setiap tahun sejak tahun 2006.

Setakat Disember 2014, pendapatan pelaburan kasar bagi portfolio luar negara mewakili 33% daripada RM39.08 bilion yang dicatatkan walaupun pendedahannya hanya 23% daripada RM636.53 bilion jumlah dana pelaburan KWSP. Ini juga boleh dilihat melalui Pulangan atas Pelaburan (ROI) di mana portfolio ini secara berterusan telah menambah nilai kepada ROI tahunan keseluruhan pelaburan KWSP dari 2 mata asas pada tahun 2011 kepada 91 mata asas pada tahun 2014. Sejak tahun 2011 sehingga 2014 pelaburan luar negara telah merekodkan ROI tahunan yang memberangsangkan iaitu masing-masing sebanyak 6.90%, 7.13%, 8.89% dan 10.45%.

Pendedahan KWSP di dalam pinjaman dan bon kepada kerajaan atau melalui agensi berkaitan kerajaan pula adalah sebanyak RM238.47 bilion meliputi pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) dan Bon

Sama Taraf serta Pinjaman dan Bon. Amaun ini adalah 37% daripada jumlah aset pelaburan KWSP setakat Disember 2014. Pulangan pelaburan yang dicatat pada tahun 2014 adalah pada julat 4% sehingga 5%.

Bagi melindungi dan menambah nilai simpanan ahli serta memastikan pulangan yang stabil dan konsisten untuk jangka panjang berdasarkan had risiko yang ditetapkan, lebih 50% daripada saiz pelaburan KWSP adalah dilaburkan di dalam Instrumen Berpendapatan Tetap yang turut merangkumi, SKM dan Bon Sama Taraf serta Pinjaman dan Bon bagi kedua-dua mandat domestik dan global.